



KOLEJ POLY-TECH MARA

PELAWAAN SEBUT HARGA



1. Tawaran dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman dan berkelayakan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN PENYEWAAN KAFETERIA DAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN MAKANAN (HALAL) DI KOLEJ POLY-TECH MARA IPOH

NO. SEBUT HARGA	SYARAT	TARIKH PELAWAAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
KPTM/SH/IPH/07/26	Mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) mempunyai kod bidang: Wajib: 040103 - Makanan Bermasak Islam lain-lain (jika berkaitan): 040101 - Makanan dan Bahan Mentah Kering/Basah 040102 - Makanan dan Minuman (Tin, Botol dan Bungkus)	08/09/2026 Hingga 17/09/2026	Tarikh: 08/09/2026 (Selasa) Masa: 10.00 pagi Tempat: Dewan Kolej Poly-Tech MARA Ipoh	Tarikh: 17/09/2026 (Khamis) (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan menghadiri sesi taklimat.

- i. Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- ii. Sijil Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (KKM/MOF)

*Sila bawa bersama cop syarikat semasa menghadiri taklimat

3. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan KPTM semasa menghadiri taklimat. KPTM berhak menolak permohonan yang pada tanggapan KPTM adalah tidak layak.

4. Dokumen boleh didapati pada waktu pejabat seperti di jadual di Para 1 yang beralamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan diedarkan selepas tempoh tersebut.

5. Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat seperti alamat di atas. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh KPTM semasa menghadiri taklimat.

6. Semua kos berkaitan dengan tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.

7. KPTM tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. KPTM berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebut harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebut harga seperti alamat di bawah:

PENGARAH
KOLEJ POLY-TECH MARA IPOH
LOT 339325, BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen Sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut harga tidak akan diterima dan ditolak.